

# **FITA WAVE**

## Short Film Awards 2019



Fakulti Filem, Teater dan Animasi dari Universiti Teknologi MARA Shah Alam, akan menganjurkan FITA WAVE Short Film Awards 2019. Fakulti ini akan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Yayasan Hasanah, Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). FITA, JPT, KPM dan lain-lain akan menganjurkan sebuah pertandingan yang berprestij bagi mencungkil idea-idea kreatif yang berteraskan pembelajaran sepanjang hayat dan apresiasi seni budaya masyarakat di Malaysia.

Pertandingan ini bertemakan 'Imagining and Inspiring Malaysians through Life-Long Learning'. Ini bermaksud, peserta perlu menghasilkan sebuah filem pendek yang berdurasi tidak melebihi 10 minit untuk mengetengahkan keagungan warisan dan budaya yang terdapat di Malaysia. Pertandingan yang bakal diadakan ini bertujuan untuk melahirkan bakat-bakat baru dan menggalakkan serta mendedahkan masyarakat terhadap pembelajaran bidang kreatif seperti yang ditawarkan di FITA.

Penyertaan terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang berumur di antara 13 hingga 35 tahun dan tiga jenis kategori penyertaan yang disediakan iaitu pelajar Sekolah Menengah, Kolej dan Universiti awam serta swasta. Filem pendek ini boleh dihasilkan dalam sebarang bahasa namun mestilah disertai dengan sari kata bahasa Inggeris. Pertandingan ini menawarkan pelbagai hadiah lumayan yang berupa wang tunai bernilai RM10,000 bagi pemenang tempat pertama, RM5000 bagi pemenang tempat kedua dan RM2000 bagi pemenang tempat ketiga bagi setiap kategori penyertaan. Hadih wang tunai bernilai RM5000 juga akan diberikan kepada penerima anugerah pilihan khalayak beserta trofi dan sijil penghargaan untuk peserta.

# SIDANG REDAKSI

## Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

## Penasihat

Alfina Bakar

## Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

## Editor

Aida Ahmad Saipiuddin  
Nurul Afnieza Md Zain

## Pereka Grafik

Junaidy Talib

## Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)  
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

## Jurufoto

Roslan Daud  
Shamsul Hidayat Omar  
Shazana Shabuddin  
Shahida Nordin

## Edaran

Asura Rahman



UiTM *di hatiku*

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat  
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM *di hatiku*



[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)



UITM Rasmi: [www.facebook.com/uitmrasm](https://www.facebook.com/uitmrasm)

Lensa Korporat: [www.facebook.com/darlensakorporat](https://www.facebook.com/darlensakorporat)